

# Keng Yaik akui spekulasi

14 NOV 1999

KUALA LUMPUR 13 Nov. — Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik tidak menafikan terdapat pemimpin tertinggi parti itu yang akan digugurkan dari kerusi Parlimen pada pilihan raya ini.

Bagaimanapun, katanya, perkara tersebut diserahkan kepada Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menentukannya.

Menteri Perusahaan Utama itu pada sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatan Kerja Pusat (CWC) di Menara PGRM di sini, hari ini, berkata, senarai akhir calon bagi parti itu akan dikemukakan kepada Dr. Mahathir pada hari Selasa ini.

Bagaimanapun secara berseloroh, Keng Yaik yang ditanya mengenai desas-desus ada pemimpin tertinggi parti yang akan digugurkan berkata: "Barangkali saya tidak mahu bertanding, mana tahu."

Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) akan menetapkan senarai calon-calon untuk Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada hari Isnin ini.

Katanya, pada masa sekarang parti itu mempunyai lima kerusi Parlimen dan lebih lima puluh peratus daripada calonnya merupakan muka baru.

Kelima-lima ahli Parlimen dari Gerakan ialah Keng Yaik; Timbalan Presiden, Datuk Kerk Choo Ting; bekas Naib Presiden, Datuk Dr. Goh Cheng Taik, Setiausaha Agung, Chia Kwang Chye dan anggota CWC, Dr. Tang Kee

Kwong.

Keng Yaik berkata, parti itu akan mengekalkan 10 kerusi Parlimen yang ditinggalkannya pada 1995 dan menolak khabar angin adanya pertukaran dengan parti komponen BN lain.

Jelasnya, usaha parti itu membawa muka baru bertujuan menyediakan barisan pemimpin muda bagi membawa Gerakan ke alaf baru.

---

## Perjuangan

Menurut beliau, ia merupakan suatu pembaharuan politik dalaman dan mampu menjayakan perjuangan parti dan rakyat negara ini.

"Kita telah mengarah pada peringkat negeri diadakan perbincangan supaya muka lama dapat digantikan dengan yang baru dan muda.

"Muka baru pula mestilah dapat mengisi kekosongan yang ditinggalkan dan berharap ini tidak menjadi masalah," tambah beliau.